



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN  
NAIB CANSELOR UiTM**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KPT PRIHATIN KOMUNITI  
SEJAHTERA (KRIS)  
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM 2024**

**2 MAC 2024 | SABTU**

**ARENA KAMPUNG SUNGAI PINANG,  
PULAU PANGKOR, PERAK**

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillahi Rabbil A'lamin, Wassolatu Wassalammu A'la  
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin Wa Ala' Alihi Wasohbihi Ajmain,

Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina  
Muhammad.

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

**SALUTASI- kemaskini berdasarkan kehadiran**

**Yang Berhormat,**

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir,**  
Menteri Pendidikan Tinggi

**Yang Berbahagia,**

**Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose,**  
Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM.

**Yang Berusaha,**

**Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman,**  
Rektor, UiTM Cawangan Selangor

**Yang Berusaha,**

**Profesor Dr. Sazzli Shahlan Kasim,**

Pengarah, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM.

**Yang Berusaha,  
Tuan Shamsul Ridzuan Idris,  
Pegawai Daerah Manjung.**

Pihak Pengurusan UiTM, barisan petugas program, rakan-rakan media, seterusnya penduduk Kampung Sungai Pinang, Pulau Pangkor, Perak yang dikasihi sekalian.

**Assalammualaikum wbt., Salam Sejahtera, Salam Malaysia  
Madani dan Salam UiTM di Hatiku.**

1. Bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, dapat sama-sama kita berkumpul, sempena **Majlis Perasmian Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM 2024** di Arena Kampung Sungai Pinang, Pulau Pangkor, Perak.
2. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir dalam program pada pagi ini. Kami berasa bertuah kerana Dato' Seri Diraja sudi hadir ke program kami buat julung kalinya. Jazakallah Dato' Seri Diraja kerana memberi sokongan kepada program pagi ini.
3. Pada kesempatan ini juga, tahniah diucapkan di atas penganjuran Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) ini kepada seluruh sukarelawan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM yang mana julung kalinya diadakan di Pulau Pangkor, Perak.
4. Terima kasih juga kepada hadirin hadirat yang hadir pada hari ini. Semoga tahun ini merupakan titik permulaan untuk kita terus memperkuuhkan peranan UiTM dalam memperkasa komuniti dengan adanya **Knowledge**

***Sharing and Transfer Programme (KSTP)*** ini ke arah mencapai kehidupan yang cemerlang dan terjamin.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Sedikit pesanan buat semua warga UiTM yang menjadi sebahagian daripada keluarga KPT. **Terapkan nilai kesegeraan dalam tindakan dan jadikan kelaziman penambahbaikan berterusan atau prinsip “kaizen”** sebagai sebahagian daripada budaya UiTM. Jangan kita terus dibelenggu dengan budaya kerja di takuk lama. Kita perlu berganding bahu melakukan anjakan paradigma bagi mencabar *status quo* dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan negara.
6. Umum sedia maklum, bahawa hubungan antara hospital pengajar KPT dan masyarakat amat penting untuk memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik di samping berkongsi pengetahuan pendidikan kesihatan kepada masyarakat setempat. Menyedari hakikat ini, kerjasama erat antara agensi kerajaan pelbagai peringkat haruslah jitu yang mana natijahnya kepada penduduk dalam menjayakan pelbagai aktiviti secara bersama, sekaligus mendedahkan mereka bahawa hospital pengajar KPT merupakan agen ilmu dan sentiasa cakna terhadap isu

semasa. Oleh itu, keterlibatan HASA dalam program jaringan seperti ini dapat memberi gambaran bahawa HASA adalah salah satu daripada pemangkin kepada masyarakat membangun.

7. Inisiatif yang diambil ini, memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk nilai jati diri dan sifat tanggungjawab kepada para sukarelawan HASA. Berkemungkinan ada antara anak-anak penduduk yang hadir pada hari ini juga lahir daripada pengajian UiTM. Semoga hubungan baik yang terjalin ini akan berterusan, dengan jaringan yang lebih luas melalui pelbagai agensi.
8. Untuk pengetahuan semua, program pada hari ini merupakan program tahunan KPT yang dianjurkan oleh HASA UiTM bersama komuniti. Penganjuran KRIS pertama bagi tahun ini, kolaboratif antara pihak HASA dan Pejabat Daerah Manjung.
9. Melalui program ini, komuniti akan didedahkan kepada beberapa aktiviti Pendidikan Kesihatan seperti sesi Latihan CPR dan Asas Pertolongan Cemas dan Ceramah Pemakanan Sihat. Selain itu, HASA juga menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan kepada komuniti seperti pengukuran *Body Mass Index* (BMI), tekanan darah, dan

kandungan gula dalam darah (*Random glucose reading*) serta pemeriksaan pergigian.

10. Di samping itu, terdapat juga rerurai Produk Inovasi daripada pihak UiTM Cawangan Selangor yang ingin berkongsi pengetahuan bersama komuniti berkenaan pembuatan aiskrim dan teh rembang. Dimaklumkan juga. pada sebelah petang, sukarelawan HASA akan pergi ke rumah penduduk kampung yang terpilih bagi memberikan perkhidmatan pemeriksaan Kesihatan.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

11. Pihak UiTM sentiasa memberikan sokongan penuh kepada hospital pengajar universiti, HASA dalam keterlibatan mereka dengan program usaha sama dengan komuniti dan perkongsian ilmu sebegini. Pada hari ini, usaha sama ini diperluas kepada komuniti di Pulau Pangkor.

12. Hospital pengajar universiti, memainkan peranan penting dalam memupuk individu yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga bertanggungjawab dari segi sosial. Adalah penting sebagai sukarelawan menyedari peranan mereka dalam menyokong agenda nasional.

Perkara ini melibatkan sumbangan kepada masyarakat, menggalakkan perpaduan, dan menegakkan nilai dan prinsip yang mentakrifkan negara kita.

13. Syabas dan tahniah kepada para sukarelawan HASA kerana berjaya menjalankan Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM pada kali ini. Sekali lagi, terima kasih kepada pihak Menteri Pendidikan Tinggi yang sudi bersama kita hari ini. Diharapkan jalinan kerjasama semua pihak hari ini tidak hanya untuk hari ini, malah pada masa hadapan.
14. Akhir kata, saya menyeru kepada seluruh warga UiTM dan hadirin sekalian untuk sama-sama berganding bahu dan mengaplikasikan bagi ***Knowledge Sharing and Transfer Programme (KSTP)*** ini, seterusnya merealisasikannya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan perkhidmatan khususnya dalam sektor pengajian tinggi dapat dicapai dengan cemerlang.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassallammualaikum  
Warahamtullahi Wabarakatuh.**